

"Saya senang hati mengetahui bahawa segala harapan, hasrat dan impian untuk anak saya cukup terjamin"



Sediakan jaminan masa depan anak anda dengan pelan perlindungan dan pendidikan yang lengkap

Sepintas lalu:

PRU*my child* memberikan anda :

- > **PERLINDUNGAN LENGKAP** untuk setiap peringkat hidup anak anda... **SEBELUM LAHIR LAGI**
- > **PENINGKATAN** pada pelan anak anda dengan pelbagai perlindungan **BARU & DIPERLUAS***
- > **PERLINDUNGAN TAMBAHAN** untuk **IBU BAPA***
- > **Menyemai benih ke arah DANA PENDIDIKAN YANG TERJAMIN** untuk anak anda

Jangan ada yang menjadi penghalang kepada masa depan anak anda yang gemilang

Sebagai ibu bapa, anda tahu anak anda berhak mendapat yang terbaik. Anda mahu memberikan anak anda kelebihan awal dalam hidup dengan memberikan mereka perlindungan terbaik dan menjamin masa depan pendidikan mereka. Namun memang sukar untuk mencari keseimbangan antara perlindungan dan pendidikan ini, terutamanya memandangkan hidup ini yang sukar diduga dan kos pendidikan tinggi yang semakin meningkat.

Prudential kini menawarkan **PRU***my child*, pelan pertama seumpamanya yang menawarkan perlindungan dalam tempoh penting kehamilan dan semasa bayi, berbanding dengan kebanyakan pelan konvensional yang tidak menyediakan sebarang perlindungan untuk anak semasa peringkat awal bayi. Selain itu, keabnormalan kongenital mungkin tidak dilindungi di bawah pelan juvenil yang biasa. Dengan **PRU***my child*, ibu bapa kini boleh yakin bahawa bayi mereka akan dilindungi sepenuhnya dari sebelum lahir lagi!

Jadi, bagaimana anda melindungi masa depan pendidikan anak anda? Dengan **PRU***my child*, anda boleh menguruskan DAN menjamin** dana pendidikan anak anda seawal mungkin. Anda juga berpotensi meraih pulangan yang lebih tinggi dalam jangka panjang dengan melabur dalam mana-mana dana **PRU***link* atau **PRU***link education*.

Tiada pelan lain yang menyeimbangkan perlindungan dan pendidikan dengan lebih komprehensif selain daripada pelan **PRU***my child* - pelan inovatif yang menggabungkan pelaburan, perlindungan dan ciri-ciri yang fleksibel.

Ambillah masa untuk memfokus kepada apa yang benar-benar penting - anak anda.


* Dengan lampiran perlindungan opsyenal / tambahan dan tertakluk kepada premium tambahan.

** Dengan lampiran **PRU***edusaver* pada pelan ini.

» Manfaat

PERLINDUNGAN LENGKAP bagi setiap peringkat dalam hidup anak anda... **SEBELUM LAHIR LAGI**

PRU*my child* memberikan anda kawalan dan kefleksibelan untuk mereka pelan yang lengkap untuk anak anda. Menawarkan pilihan manfaat perlindungan yang tiadaandingannya yang meliputi manfaat kesihatan, kemasukan ke hospital, kemalangan dan penyakit kritikal, anda boleh yakin bahawa masa depan anak anda terjamin.



PERTINGKATKAN pelan anak anda dengan pelbagai perlindungan **BARU & DIPERLUAS***

Bertujuan untuk memberi anda ketenangan fikiran dalam hal keperluan anak anda, manfaat baru **PRU***early start* dan **PRU***best start* di bawah pelan ini menawarkan anak anda perlindungan dalam tempoh penting kehamilan dan semasa bayi di bawah **Manfaat Penjagaan Kehamilan** dan **Manfaat Penjagaan Anak**.

Anda boleh menjamin kesejahteraan anak anda dengan **PRU***essential child* baru yang menawarkan perlindungan untuk penyakit tertentu anak seperti leukemia, artritis reumatoid juvenil teruk dan epilepsi (untuk senarai lengkap, sila rujuk dokumen polisi).

* *Tertakluk kepada premium tambahan.*

PERLINDUNGAN TAMBAHAN untuk **IBU BAPA**

Bagaimana anda hendak memastikan anak anda akan sentiasa menikmati perlindungan dan manfaat yang berterusan sekiranya kejadian yang tidak diingini menimpa anda? Sekiranya ibu bapa yang diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) sebelum umur 70 tahun, meninggal dunia atau disahkan menghidap penyakit kritikal (di mana yang berkenaan), anda boleh yakin bahawa pelbagai keperluan anda akan dipenuhi seperti berikut:

Keperluan serta-merta

Manfaat **PRU***term (Ibu Bapa)* dan **Crisis Cover Plus (Ibu Bapa)** menyediakan bayaran sekali gus untuk menolong menampung perbelanjaan serta-merta seperti pinjaman dan bayaran kad kredit.

Perbelanjaan harian

Pilihlah untuk mempertingkatkan lagi pelan anak anda dengan **PRU***family income* atau **PRU***family double income* yang memberikan anak anda pendapatan bulanan untuk menolong membayar perbelanjaan sara hidup harian.

Perbelanjaan masa depan

Dengan manfaat Parent Payor, premium akan terus dibayar bagi pihak anda demi memastikan pelan ini berterusan, dan anak anda terus dilindungi dan dana pendidikan masa depan mereka terus terjamin.

Menyemai benih ke arah DANA PENDIDIKAN YANG TERJAMIN untuk anak anda

Adakah anda cukup bersedia apabila tiba masanya anak anda menduduki pendidikan tinggi? Dengan **PRU***saver kid* atau **PRU***edusaver*, anda boleh mula membina dana pendidikan anak anda dan berpotensi meraih pulangan yang lebih tinggi menerusi siri dana **PRU***link* atau **PRU***link education*. Anda boleh memilih untuk menerima pembayaran bagi pendidikan anak anda apabila mereka memasuki institusi pengajian tinggi pada bila-bila masa di antara umur 18 - 25 tahun hari lahir berikut.

» Mengenai **PRU***my child*

1. Apa itu **PRU***my child*?

PRU*my child* adalah pelan insurans berkaitan pelaburan premium tetap yang bertujuan untuk memenuhi keperluan perlindungan anda dan anak anda, lantas membolehkan anda merancang dahulu untuk masa depan mereka... hari ini.

2. Apakah manfaat yang ada dalam pelan ini?

Untuk anak

Sekiranya sesuatu yang tidak diingini menimpa anak anda, misalnya kematian, manfaat yang akan dibayar ialah:

- Jumlah Diinsuranskan & jumlah nilai unit di dalam akaun¹

Sekiranya anak anda mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD):

- (a) sebelum umur 16 tahun, jumlah diinsuranskan maksimum akan dibayar (tertakluk kepada RM500,000 setiap hayat); atau
- (b) selepas umur 16 tahun tetapi sebelum umur 70 tahun, jumlah diinsuranskan maksimum akan dibayar (tertakluk kepada jumlah RM4 juta setiap hayat)

Sekiranya berlaku TPD, jumlah diinsuranskan akan dibayar tertakluk kepada bayaran sekali gus maksimum sebanyak RM1 juta apabila tuntutan dibuat. Baki jumlah diinsuranskan akan dibayar pada ulang tahun pertama TPD². Apabila berlaku kematian lebih awal, baki jumlah diinsuranskan akan dibayar serta-merta.

(Sila rujuk dokumen polisi untuk definisi TPD)

Pada kematangan pelan

Nilai semua unit di dalam akaun akan dibayar apabila anak anda mencapai umur 100 tahun pada hari lahir mereka yang berikut.

Pada serahan

Nilai unit di dalam akaun pada masa serahan.

Untuk ibu mengandung

Tidak terlalu awal untuk memulakan perlindungan dengan manfaat **PRU***early start* atau **PRU***best start* yang menawarkan **Manfaat Penjagaan Anak** dan **Manfaat Penjagaan Kehamilan** untuk ibu-ibu mengandung dan bayi dalam kandungan mereka.

Sila rujuk Risalah **PRU***early start* / **PRU***best start* untuk butir-butir lanjut.

¹ Bagi kematian anak yang berlaku selepas 30 hari dari kelahiran. Walau bagaimanapun, bagi kematian anak yang berlaku sebelum kelahiran dan sehingga 30 hari dari kelahiran, manfaat yang akan dibayar ialah jumlah premium yang telah dibayar atau jumlah nilai unit di dalam akaun, mana-mana yang lebih tinggi.

² Tertakluk kepada bukti hilang upaya yang berterusan.

Nota: Bagi pelan juvenil, sekiranya berlaku kematian, penyakit kritikal atau TPD sebelum umur 5 tahun, perkadaran jumlah asas diinsuranskan yang dibayar ialah pada umur 1 tahun hlb (hari lahir berikut): 20%, umur 2 tahun hlb: 40%, umur 3 tahun hlb: 60%, umur 4 tahun hlb: 80%, umur 5 tahun hlb: 100%.

3. Siapa yang boleh mengambil pelan PRUmy child plan?

Anda boleh mengambil pelan ini untuk bayi anda yang belum lahir seawal usia kandungan 18 minggu, atau untuk anak anda yang berumur di antara 1 - 18 tahun pada hari lahirnya yang berikut. Ibu bapa, yang mestilah berumur di antara 18 - 60 tahun, memiliki polisi ini dan boleh mengubahsuai polisi ini sebagaimana yang mereka rasa sesuai bagi manfaat anak.

* Jika anda tidak ingin menikmati Manfaat Penjagaan Anak / Manfaat Penjagaan Kehamilan, anda diberi pilihan untuk membeli PRUmy child selepas kelahiran anak anda.

4. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

	Premium minimum setahun
PRUmy child	RM600*
PRUsaver kid	RM120
PRUedusaver	RM600 (tertakluk kepada 5 kali premium pelan asas PRUmy child)

* Tertakluk kepada pengunderaitan.

Nota: PRUsaver kid atau PRUedusaver tidak boleh wujud bersama dalam pelan yang sama.

Peruntukan premium

Premium yang anda bayar diperuntukkan untuk membeli unit dalam dana PRUlink atau PRUlink education. Untuk maklumat lanjut mengenai dana ini, sila rujuk Lembaran Fakta Dana PRUlink atau PRUlink education.

Contoh:

Andaikan premium bulanan anda ialah RM200 untuk PRUmy child dan PRUsaver kid / PRUedusaver masing-masing; peruntukan premium anda adalah seperti berikut:

Tahun	1	2	3	4	5	6	7 ke atas
Kadar Peruntukan Premium PRUmy child*	40%	50%	60%	70%	90%	90%	100%
Premium dilaburkan**	RM80	RM100	RM120	RM140	RM180	RM180	RM200
Kadar Peruntukan Premium PRUsaver kid / PRUedusaver	95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%
Premium dilaburkan**	RM190	RM190	RM190	RM190	RM190	RM190	RM190

Anda dinasihatkan supaya membeli PRUsaver kid atau PRUedusaver yang membolehkan anda meningkatkan tahap pelaburan anda dengan bayaran serendah RM10 dan RM50 sebulan masing-masing, di mana 95% daripada premium akan dilaburkan ke dalam dana.

* Kadar peruntukan premium yang ditunjukkan di atas adalah untuk polisi dengan tempoh 20 tahun dan lebih. Bagi tempoh kurang daripada 20 tahun, peruntukan premium akan lebih tinggi.

** Sebelum ditolak caj perkhidmatan dan caj insurans.

Bayaran premium

Premium boleh dibayar setiap tahun, setiap setengah tahun, setiap suku tahun atau setiap bulan melalui Auto Debit, Kad Kredit, Tunai atau Cek.

5. Berapa lama saya perlu membayar premium?

Premium perlu dibayar sepanjang tempoh polisi sehingga tamat tempoh polisi. Apabila tamat tempoh mana-mana manfaat opsyenal atau tambahan, premium akan berkurangan sewajarnya*.

* Apabila tamat tempoh **PRUsaver kid** atau berakhirnya tempoh pengumpulan **PRUedusaver**, premium akan diteruskan dan diperuntukkan sebagai premium **PRUsaver**. Anda juga boleh memaklumkan kepada Syarikat jika anda mengambil keputusan untuk berhenti membayar premium bagi **PRUsaver**.

6. Bagaimanakah saya boleh mempertingkatkan perlindungan pelan **PRUmy child**?

Dengan premium tambahan, anda boleh memperluaskan pelan **PRUmy child** melebihi pelan biasa, dengan melampirkan mana-mana manfaat opsyenal / tambahan yang akan menginsuranskan anak anda dan orang tersayang bagi kejadian yang tidak diduga:

Perlindungan Penyakit Kritikal

Menjaga anak anda sekiranya mereka disahkan menghidap penyakit kritikal, termasuk penyakit tertentu anak di bawah rider baru **PRUessential child**¹ yang melindungi mereka sehingga umur 25 tahun hari lahir berikut.

Perlindungan Pendapatan

Dengan **PRUfamily income** dan **PRUfamily double income** yang baru, manfaat ini akan membayar pendapatan bulanan kepada keluarga untuk menolong menampung perbelanjaan sara hidup harian sekiranya ibu bapa anak mengalami TPD sebelum umur 70 tahun, meninggal dunia atau disahkan menghidap penyakit kritikal.

Perlindungan Pembayar

Membayar pelan anda sekiranya berlaku kematian (jika berkenaan), TPD sebelum umur 70 tahun atau penyakit kritikal.

Perlindungan Ibu Bapa

Dengan **PRUterm (Ibu Bapa)** dan **Crisis Cover Plus (Ibu Bapa)** yang baru, manfaat ini akan membayar jumlah sekali gus kepada Wakil Diri Sah Pemunya Polisi sekiranya ibu bapa yang diinsuranskan mengalami TPD sebelum umur 70 tahun, meninggal dunia atau disahkan menghidap penyakit kritikal (jika berkenaan).

Perlindungan Kemalangan

Perlindungan komprehensif untuk kecederaan akibat kemalangan.

Perlindungan Kesihatan dan Perubatan

Menguruskan bil perubatan utama sekiranya anak anda memerlukan pembedahan atau rawatan pesakit luar atau sekiranya dia dimasukkan ke hospital.

¹ Lihat Lampiran untuk butir-butir lanjut.

7. Bagaimana saya hendak mula membina dana pendidikan anak saya?

Anda boleh melampirkan **PRUsaver kid** ataupun **PRUedusaver** di mana premium akan dilaburkan dalam siri dana **PRUlink** atau **PRUlink education** kami. Selain itu, anda juga boleh membuat pelaburan sekali sahaja melalui Tokokan ke atas **PRUsaver kid** atau Tokokan Pendidikan ke atas **PRUedusaver**. Kadar peruntukan bagi Tokokan dan Tokokan Pendidikan ialah 95%.


Nota: Jika anda melampirkan **PRUedusaver**, Tambah Nilai Pendidikan mesti dibayar sekurang-kurangnya 5 tahun (60 bulan) sebelum Tempoh Pembayaran dan semua bayaran premium mestilah terkini. Amaun minimum bagi tambah nilai ialah RM1,000. Tiada amaun maksimum.

8. Apakah perbezaan antara **PRUsaver kid** dan **PRUedusaver**?

Tujuan utama **PRUsaver kid** adalah untuk memperoleh kenaikan nilai modal, di mana anda boleh memilih dana-dana yang anda mahu melabur dalam siri dana **PRUlink** kami. Anda juga boleh menukar dana-dana yang anda melabur dari semasa ke semasa mengikut perubahan aspirasi anda dan anak anda. Pulangannya bergantung pada prestasi dana yang anda pilih dan oleh itu, pulangannya adalah tidak dijamin.

PRUedusaver* menyediakan jaminan modal minimum dalam bentuk Jaminan Pendapatan Tahunan**. Premium yang dibayar akan dilaburkan dalam **PRUlink education equity fund** dan **PRUlink education bond fund** dalam perkadaran yang ditentukan oleh Syarikat dalam tempoh pengumpulan mengikut jadual berikut. Ia akan dilaraskan kepada campuran aset yang lebih terjamin bagi setiap bayaran premium apabila anak anda semakin menghampiri usia untuk memasuki pengajian tinggi.

Baki Tempoh Pengumpulan (dalam tahun) apabila premium dibayar



Dalam Tempoh Pembayaran

Dana pendidikan anak anda akan dilaburkan dalam **PRUlink education income fund**, dengan melabur dalam sekuriti faedah tetap terpilih, bon korporat, instrumen pasaran wang dan instrumen kewangan lain.

Sila rujuk Ilustrasi Jualan atau Dokumen Polisi untuk butir-butir lanjut mengenai strategi pelaburan / dana-dana yang dilabur.

* Mesti dilampirkan sebelum ulang tahun polisi pertama. Lihat Lampiran untuk butir-butir lanjut.

** Asalkan premium dibayar sepenuhnya dalam tempoh pengumpulan dan tiada pengeluaran dibuat dalam tempoh pengumpulan dan pembayaran **PRUedusaver**.

9. Bagaimana **PRUedusaver** berfungsi?

Langkah 1

Mula-mula tentukan berapa banyak jumlah yang perlu anda kumpulkan untuk dana pendidikan anak anda. Anda boleh memilih tempoh masa anda membayar premium dan jangka masa menerima Pendapatan Tahunan Terjamin dalam tempoh pembayaran*.

Langkah 2

Tentukan bila anak anda akan memerlukan pendapatan pendidikan dan untuk berapa lama mereka akan memerlukannya. Anda boleh memilih untuk menerima Pendapatan Tahunan Terjamin selama 3, 4 atau 5 tahun (iaitu di antara umur anak anda 18 - 25 tahun hari lahir berikut).

Langkah 3

Bergantung pada Tempoh Pembayaran yang dipilih, amaun pembayaran yang anda akan terima adalah peratusan Kadar Pembayaran (seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah) daripada nilai dana **PRUedusaver** anak anda pada akhir Tempoh Pengumpulan ATAU jumlah premium **PRUedusaver** termasuk sebarang Tokokan Pendidikan yang telah anda bayar, mana-mana yang lebih tinggi**. Sebarang baki dana pada akhir Tempoh Pembayaran akan terus dilaburkan dalam **PRUlink education income fund**.

Nota: Perubahan pada tempoh pengumpulan dan pembayaran hanya boleh dibuat sekali dalam tempoh pengumpulan.


	Tempoh Pembayaran		
Tahun	3	4	5
Kadar Pembayaran	34%	26%	21%
Jumlah Kadar Pembayaran	102%	104%	105%

* Tempoh pembayaran perlu ditentukan pada permulaan polisi.

** Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk terma & syarat mengenai Pendapatan Tahunan Terjamin. Pendapatan Tahunan Terjamin diterima dengan syarat premium telah dibayar sepenuhnya dalam tempoh pengumpulan dan tiada pengeluaran dibuat dalam tempoh pengumpulan dan pembayaran **PRUedusaver**.

Senario A:


Sekiranya pasaran mencatatkan prestasi menepati jangkaan berdasarkan unjuran¹, anda mungkin akan menerima bayaran pendapatan berjumlah **RM67,860**, serta baki nilai **PRUlink education income fund** berjumlah **RM4,056**!



----- Nilai Dana Jumlah Premium **PRUedusaver** Dibayar + Jumlah Tambah Nilai Pendidikan

Scenario B:

Sekiranya pasaran mengalami kejutan luar jangkaan yang berlanjutan, anda masih akan menerima LEBIH daripada jumlah amaun yang telah anda laburkan dalam tempoh pengumpulan.



..... Nilai Dana Jumlah Premium **PRU**edusaver Dibayar + Jumlah Tambah Nilai Pendidikan

¹ Huraian di atas adalah berdasarkan lelaki berumur 1 tahun, bukan perokok dengan premium bulanan **PRU**edusaver sebanyak RM200, tempoh pengumpulan 17 tahun dan tempoh pembayaran 5 tahun. Nilai yang diunjurkan adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Nilai ini tidak dijamin dan tidak juga berdasarkan prestasi lepas. Nilai terunjur ini menggunakan undang-undang semasa, cukai dan pulangan pelaburan yang ditetapkan (setahun), yang berdasarkan purata berwajaran kadar terunjur semasa yang ditetapkan bagi polisi-polisi insurans berkaitan pelaburan. Baki nilai dana yang terunjur juga mengandaikan bahawa tiada pengeluaran fleksibel yang lain dibuat dalam seluruh tempoh polisi.

Dalam contoh ini, premium tetap dilaburkan dalam **PRU**link education equity fund dan **PRU**link education bond fund pada permulaan polisi. Arah premium ke dalam **PRU**link education equity fund dan **PRU**link education bond fund akan diubah mengikut baki tempoh pengumpulan. Apabila polisi berada dalam tempoh pembayaran, dana ini akan dilaburkan dalam **PRU**link education income fund.

10. Adakah **PRU**my child layak mendapat pelepasan cukai?

Masa kanak-kanak	Masa dewasa (Melebihi umur 25 tahun pada hari lahir berikut)
Sebagai ibu bapa, anda layak mendapat pelepasan cukai pendidikan ke atas premium yang telah dibayar bagi PRU edusaver, PRU saver kid atau Pembayar Ibu Bapa. Tambahan pula, premium yang dibayar bagi PRU family income, PRU family double income dan PRU essential child juga boleh layak mendapat pelepasan cukai.	Anak anda layak mendapat pelepasan cukai hayat / perubatan apabila pindahan pemilikan dibuat.

Amaun pelepasan cukai akan bergantung pada jumlah pendapatan kena cukai anda dan tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

11. Bagaimana saya hendak mengikuti prestasi dana?

Harga unit disiarkan setiap hari dalam akhbar-akhbar utama dan di laman web kami di www.prudential.com.my.*

Sila ambil perhatian bahawa ini adalah produk insurans yang dikaitkan dengan prestasi aset-aset pendasar, dan bukannya produk pelaburan tulen seperti unit amanah.

* Prestasi pelaburan dana-dana adalah tidak dijamin.

12. Apakah caj*** yang terlibat?

Caj perkhidmatan	RM6 sebulan bagi bayaran secara tunai atau cek. RM5 sebulan bagi cara bayaran lain (kad kredit atau auto debit).
Caj insurans	Caj insurans bulanan dikenakan bergantung pada umur, jantina, status perokok, kelas pekerjaan (jika berkenaan) anak anda dan jumlah diinsuranskan.
Caj tokokan	Setiap tokokan dikenakan caj perkhidmatan sebanyak RM25.
Yuran pertukaran dana (untuk PRUlink funds sahaja)	Empat pertukaran percuma dibenarkan setiap tahun. Yuran pertukaran ditetapkan sebanyak 1% (tertakluk kepada maksimum RM50) bagi mana-mana pertukaran yang kemudiannya dalam tahun itu.
Caj pentadbiran	RM2 sebulan dalam Tempoh Pengumpulan dan Pembayaran jika PRUedusaver dilampirkan.
Caj pemprosesan	RM25 dikenakan bagi setiap permintaan berikut: <ul style="list-style-type: none">• Pengeluaran unit-unit yang dibentuk daripada PRUedusaver dan Tokokan Pendidikan di dalam akaun pelaburan sahaja• Semakan tempoh pengumpulan dan pembayaran.
Caj jaminan	Caj jaminan sebanyak 1% setahun daripada premium tahunan PRUedusaver akan dikenakan setiap bulan dalam tempoh pengumpulan, dan 1% daripada setiap Tokokan Pendidikan yang dibayar (jika ada) akan dikenakan bayaran sekali.
Caj pengurusan dana	Caj berubah bergantung kepada dana PRUlink yang anda pilih. Sila rujuk kepada Lembaran Fakta Dana PRUlink yang dilampirkan untuk keterangan lanjut.

*** Semua caj dikenakan melalui pembatalan unit. Yuran dan caj mungkin berbeza-beza dari masa ke semasa. Caj insurans untuk perlindungan asas terhadap kematian / TPD adalah terjamin. Walau bagaimanapun, kadar premium dan caj insurans untuk manfaat lain adalah tidak terjamin. Syarikat mempunyai hak untuk mengubah caj insurans dan kadar premium untuk manfaat pilihan dengan memberi notis bertulis 90-hari kepada pemegang polisi.

Lampiran

Penyakit Tertentu Anak

PRUessential child (PEC) adalah Manfaat Opyenal yang membayar jumlah diinsuranskan apabila anak disahkan menghidap penyakit tertentu. Manfaat ini akan berhenti apabila anak mencapai umur 25 tahun.

Penyakit tertentu berikut dilindungi di bawah **PRU**essential child:

- Asma teruk
- Leukemia
- Diabetes Melitus yang bergantung pada Insulin
- Demam reumatik dengan gangguan injap
- Penyakit Kawasaki dengan komplikasi jantung
- Arthritis reumatoid juvenil teruk
- Glomerulonefritis dengan Sindrom Nefrotik
- Epilepsi teruk
- Kelemahan intelektual akibat penyakit atau kemalangan

Nota: Sila rujuk dokumen polisi untuk jumlah manfaat yang akan dibayar dan definisi setiap keadaan dan penyakit.

Lindungi masa depan anak anda sekarang!

Untuk bantuan peribadi sila hubungi **03-2116 0228**, emel kami di **customer.mys@prudential.com.my** atau hubungi Perancang Kewangan Prudential anda yang mesra.

Nota Penting

- > Semua **PRUlink dana** dilaburkan dalam sekuriti diluluskan Shariah dan / atau sekuriti hutang swasta Islam. Produk **PRUlink** bukanlah produk berlandaskan Shariah.
- > Syarikat mempunyai hak untuk mengubah kadar premium dan caj (kecuali caj insurans untuk manfaat Kematian dan TPD) pada ulang tahun polisi dengan memberi notis 90-hari terdahulu.
- > Anda hendaklah menaksir kemampuan bayar dan kesesuaian produk (termasuk manfaat opsyenal) berkaitan dengan matlamat kewangan dan selera risiko anda. Untuk berbuat demikian, kami syorkan anda berbincang dengan ejen atau Perancang Kekayaan anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan termaklum.
- > Perlindungan sehingga umur tamat tempoh adalah tertakluk kepada unit yang mencukupi untuk ditolak caj insurans, caj perkhidmatan, caj jaminan (jika ada) dan caj pentadbiran (jika ada).
- > Milik punya polisi akan berpindah secara automatik kepada anak apabila dia mencapai umur 25 tahun.
- > Jika anda membatalkan polisi ini pada tahun-tahun permulaan, anda mungkin tidak dapat memperoleh nilai sepenuhnya daripada amaun yang telah anda bayar. Berikutan penyerahan, pelbagai manfaat di bawah pelan ini tidak berkuat kuasa.
- > Tempoh membuat keputusan selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh pengeluaran polisi anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Sekiranya polisi ini dibatalkan dalam tempoh tersebut, nilai unit (pada tarikh penentuan harga yang berikutan) berserta premium belum diperuntukkan, caj perkhidmatan dan caj insurans selepas ditolak perbelanjaan perubatan akan dipulangkan. Tambahan lagi, sekiranya tokokan telah dilakukan, 5% daripada premium belum diperuntukkan ditolak perbelanjaan perubatan akan dipulangkan. Tokokan tidak dikenakan sebarang caj insurans.
- > Risalah ini adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada Lampiran Pendedahan Produk Prudential dan ilustrasi jualan sebelum membeli sesuatu pelan, dan merujuk kepada dokumen polisi anda untuk terma dan syarat yang lengkap.

- > Premium tidak terbayar mungkin menyebabkan polisi ini ditamatkan.
- > Risalah ini hendaklah digunakan bersama dengan Lembaran Fakta Dana **PRUlink** dan Lembaran Fakta Dana **PRUlink education** (jika berkenaan).
- > Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) mempunyai lesen di bawah Akta Insurans (1996) dan dikawal atur oleh Bank Negara Malaysia (BNM).



Always Listening. Always Understanding.

Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)

Menara Prudential, 10 Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2116 0228 Fax: 03-2032 3939
Email: customer.mys@prudential.com.my

www.prudential.com.my